

Membisu erti bersubahat

DATUK Seri Dr. Mahathir Mohamad bukan seorang pemimpin yang korup. Kegigihannya untuk membangunkan negara dalam era pasca perang dingin yang penuh onak dan duri dan dalam satu sistem antarabangsa yang bersifat anarki ini tidak dinafikan oleh sesiapa.

Beliau sanggup untuk mencabar status quo: Kepurapuraan kuasa Barat terhadap dunia membangun tentang pelbagai isu — demokrasi, hak asasi manusia, ekonomi dan sebut apa saja — tidak takut untuk didedahkan.

Lantaran tindakannya yang berani dan tegas itu, beliau dicemburui dan mahu dimusuhi. Di kalangan institusi tertentu di Barat, bersarang rasa tidak senang terhadap Dr. Mahathir. Di Britain, salah satu musuh Perdana Menteri itu adalah media massa atau lebih dikenali sebagai *the fourth estate*.

Bagi mereka, nampaknya tidak ada apa yang positif tentang Dr. Mahathir. Dan kemuncak kepada kebencian itu ialah dakwaan liar yang mengatakan Dr. Mahathir telah menerima wang sogokan oleh sebuah syarikat Inggeris yang ingin mendapatkan satu projek besar.

Dengan memberi ruang yang besar terhadap pembohongan itu, malmat tersurat mereka ialah untuk menggambarkan Dr. Mahathir sebagai seorang pemimpin yang tidak bersih.

Sekiranya benar Perdana Menteri korup, seperti sebilangan pemimpin dunia ketiga yang lain, beliau barangkali akan memejamkan mata terhadap tuduhan yang tidak berasas itu. Tetapi kerana beliau seorang yang bersih, maka beliau tersinggung. Seluruh negara sebenarnya rasa terhina dengan tindakan jahat media Britain itu.

Tuduhan ini serius. Dengan menggunakan kebebasan yang ada padanya, akhbar-akhbar Britain itu seterusnya mendakwa bahawa bantuan yang diberikan oleh London kepada Kuala Lumpur telah dikaitkan dengan pembelian senjata. Seandainya *mood* akhbar-akhbar di London menjadi ukuran, mereka sudah pun meniupkan semboyan untuk berperang dengan negara ini. Mereka tidak akan mengakui kesilapan. Kebenaran yang cuba kita ketengahkan, akan dipersetankan.

Rencana negatif

Mengambil kira latar belakang itu, kita boleh menjangka bahawa untuk beberapa bulan yang akan datang, lebih banyak berita dan rencana yang negatif tentang Malaysia dan para pemimpinnya akan menguasai ruangan akhbar-akhbar di London.

Kebebasan akhbar-akhbar itu melaporkan pelbagai pembohongan yang mereka fikir patut, tidak ada siapa yang boleh menghalangnya, termasuk kerajaan Britain itu sendiri. Kerana terpenjara dengan paradigma lama kebebasan media, akhbar-akhbar Britain sebenarnya sudah tersimpul mati dengan satu nilai yang sudah usang.

Kerana terlalu bangga melihat ke dalam, ia berbangga dengan apa yang ada. Lebih malang lagi, kerajaan Inggeris sendiri kelihatan takut dan tunduk kepada penyalahgunaan kuasa dan kebebasan akhbar.

Dalam kes terbaru ini adalah jelas bahawa laporan-laporan media tentang projek Pergau adalah tidak betul. Kerajaan Inggeris telah dituduh bahawa ia telah memberi bantuan kepada kita untuk menjayakan projek itu. Cerita sebenar ialah bukan bantuan yang diberikan tetapi pinjaman dengan kadar faedah 0.8 peratus.

Begitu juga dengan projek Antah Biwater. Akhbar-akhbar London mendakwa bahawa geran berjuta-juta poun telah diberikan kepada kerajaan. Tuduhan itu juga tidak benar. Geran itu sebenarnya diberi kepada syarikat Britain yang terlibat dalam projek Antah Biwater itu.

Tetapi kerana takutkan akhbar, kerajaan John Major telah tidak memperikan apa yang sebenarnya berlaku. Perbuatan ini adalah tidak bertanggungjawab.

Untuk menjernihkan suasana yang sudah keruh dan kusut, kerajaan Inggeris sesungguhnya tidak ada pilihan kecuali memberikan penjelasan tentang apa yang sebenarnya berlaku. Kerajaan Inggeris tidak lagi boleh berselindung di sebalik kepompong ketakutannya terhadap media untuk menerangkan bahawa apa juga bantuan dan geran yang diberikan kepada Malaysia telah tidak masuk ke poket para pemimpin negara ini.

Hanya penjelasan serupa itu boleh membersihkan nama baik kerajaan Malaysia yang sudah tercemar di kaca mata media Inggeris yang mungkin dipercayai oleh orang lain.

Dalam menghadapi pelbagai pembohongan akhbar di London tentang Malaysia dan para pemimpinnya, kerajaan Inggeris tidak lagi boleh membisu. Membisu bermakna London secara langsung telah bersubahat dengan medianya untuk menfitnah nama baik sebuah negara dan kerajaan yang dianggap sahabat.

■Chamil Wariya ialah Ketua Bahagian Majalah *Utusan*.